



## KENYATAAN MEDIA

### PENGEMASKINIAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN COVID-19

**Bandar Seri Begawan, Khamis, 9hb., Jun 2022**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan mengenai beberapa pengemaskinian langkah-langkah pengawalan COVID-19 yang **bermula pada hari Rabu, 15hb., Jun 2022**, seperti berikut:

- i- **Pengimbasan kod QR aplikasi *BruHealth* yang sebelum ini diwajibkan apabila memasuki mana-mana premis bagi membantu Kementerian Kesihatan membuat *contact tracing* bagi kes-kes positif COVID-19 akan dibatalkan. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan bangunan atau penganjur bagi mana-mana majlis boleh meminta orang ramai atau para jemputan majlis untuk membuat pengimbasan kod QR BruHealth sebelum memasuki premis berkenaan.**

Dalam pada itu, Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga ingin memaklumkan bahawa dengan mengambilkira aplikasi *BruHealth* telah mula dikembanguaskan sebagai satu aplikasi pengurusan kesihatan untuk kegunaan jangka masa panjang yakni tidak terhad semasa musim pandemik sahaja, **ciri-ciri pengimbasan kod aplikasi *BruHealth* akan terus digunakan bagi program cara hidup sihat atau program lain yang ada di dalam aplikasi tersebut**. Oleh yang demikian, penggunaan aplikasi *BruHealth* di Negara ini,



termasuk pengimbasan kod QR **tidak akan dihentikan sepenuhnya** dan ia akan disesuaikan bagi kegunaan lain.

- ii- **Ujian saringan Antigen Rapid Test (ART) bagi COVID-19 yang dilakukan secara berjadual di pejabat-pejabat dan tempat bertugas juga akan dihentikan.** Walau bagaimanapun, **ujian ART adalah masih dikehendaki bagi mereka yang mempunyai simptom jangkitan, kontak rapat kepada kes positif dan pada bila-bila masa yang diperlukan, misalnya sebelum menghadiri sesuatu acara keramaian.** Orang ramai adalah juga disarankan untuk membuat ujian ART sendiri dari masa ke semasa.

Sementara itu, **ujian saringan ART secara berjadual di sekolah-sekolah masih diteruskan yang mana penggunaannya akan terus dipantau dan diteliti dari masa ke semasa.**

Sebagai kesinambungan kepada pembukaan sempadan melalui perjalanan udara pada 6hb., Mei, 2022, Jawatankuasa Pandu COVID-19 ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **pengurangan sekatan pergerakan rentas sempadan dan pengemaskinian langkah-langkah pengawalan yang juga akan bermula pada hari Rabu, 15hb., Jun 2022**, seperti berikut:

- i. **Ujian swab pre-departure test** (sama ada ujian RT-PCR atau ART) bagi mereka yang hendak masuk ke negara ini adalah **ditiadakan**, iaitu tanpa mengira status vaksinasi;
- ii. **Ujian ART dan pengasingan diri semasa ketibaan ke negara ini adalah ditiadakan bagi mereka yang telah mendapatkan vaksinasi penuh COVID-19;**



- iii. Mereka yang **tidak melengkapkan vaksinasi penuh COVID-19** adalah dikehendaki **menjalani ujian ART semasa ketibaan, membuat pengasingan diri selama tiga (3) hari dan hanya dibenarkan untuk menamatkan pengasingan diri apabila ujian RT-PCR yang dilakukan pada hari ketiga adalah negatif**;
- iv. **Kadar liputan perlindungan rawatan bagi COVID-19 dalam insurans perjalanan (*travel insurance coverage*)** yang disyaratkan bagi mana-mana individu yang ingin membuat perjalanan keluar atau masuk ke Negara Brunei Darussalam **adalah dikemaskinikan pada kadar minima sebanyak BND20,000**, iaitu bagi **perjalanan udara, darat atau laut**. Syarat ini adalah dikenakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang keluar negara dan warga asing yang masuk ke negara ini. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang keluar negara atas sebab rasmi atau bertugas adalah dikecualikan dari syarat ini, tertakluk juga kepada syarat kemasukan negara yang dituju; dan
- v. Ujian saringan ART berjadual bagi **transport operators** adalah **dihentikan**. Walaubagaimanapun, mereka adalah disarankan untuk membuat ujian ART sendiri dari masa ke semasa dan jika mempunyai simptom jangkitan, atau jika menjadi kontak rapat kepada kes positif.

Juga bermula pada 15hb., Jun, 2022, **perjalanan rentas sempadan melalui pos-pos kawalan darat dan laut** adalah **dibenarkan** bagi perjalanan-perjalanan mustahak seperti yang disenaraikan berikut:



- Atas urusan pekerjaan, atau persekolahan – dan adalah dilaratkan juga kepada perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut;
- Perjalanan *transit* sahaja; dan
- *Transport operators* yang berdaftar di dalam dan luar negara bagi tujuan penghantaran bekalan impot dan eksport yang penting.

Kebenaran bagi perjalanan mustahak tersebut perlu dipohonkan ke Jabatan Perdana Menteri melalui laman sesawang [www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal). Walau bagaimanapun, status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan. Seterusnya, **perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut adalah dirancang untuk dibuka sepenuhnya bermula pada hari Isnin, 1hb., Ogos, 2022**, tertakluk kepada keadaan semasa jangkitan COVID-19 di negara ini dan serantau serta kesediaan peroperasian di pos-pos kawalan. Oleh itu, **perjalanan yang tidak mustahak melalui darat dan laut adalah masih tidak dibenarkan sehingga hari Ahad, 31hb., Julai 2022**.

Sebagai tambahan, Jawatankuasa Pandu COVID-19 juga ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai beberapa pengemaskinian lain, seperti berikut:

- i- Mengambil kira perubahan kepada protokol kesihatan yang pada masa ini telah membenarkan mereka yang mempunyai kod QR aplikasi *BruHealth* berwarna merah untuk keluar rumah dengan syarat mempunyai keputusan ujian ART yang negatif dan telah memuatnaik keputusan tersebut ke aplikasi *BruHealth*, maka **pemberian bantuan makanan hanya diberikan bagi kes-kes positif COVID-19 yang mempunyai kod *BruHealth* berwarna ungu dan yang memohon bagi mendapatkan bantuan makanan sahaja**;



ii- Sementara itu, mengambilkira negara ini telah menamatkan Fasa Awal Endemik pada 31hb., Mei, 2022 dan keadaan jangkitan COVID-19 di negara ini adalah terkawal dan stabil, maka,

- Tabung sumbangan ***COVID-19 Relief Fund*** akan **ditutup** bermula hari **Rabu, 15hb., Jun 2022**;
- **Pemberian Elaun COVID-19 kepada para petugas barisan hadapan** adalah dengan ini **dihentikan** bermula pada **hari Rabu, 1hb., Jun, 2022**. Walau bagaimanapun, **pemberian elaun tersebut adalah masih diteruskan bagi para sukarelawan**; dan
- **Sidang Media Kementerian Kesihatan yang diadakan setiap hari akan digantikan dengan sesi mingguan yang akan diadakan pada setiap hari Isnin bermula pada 13hb., Jun, 2022**. Sementara itu, *dashboard* maklumat mengenai situasi COVID-19 akan dikeluarkan pada setiap hari di laman sesawang Kementerian Kesihatan atau mana-mana *platform* lain yang bersesuaian bagi terus memberikan maklumat terkini kepada orang ramai.

Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan terus memantau kesiapsiagaan agensi-agensi berkenaan dalam memberikan respon yang tepat dan pantas terhadap keadaan semasa jangkitan COVID-19 di negara ini di samping memastikan apa jua langkah-langkah pengawalan yang dikenakan adalah bersesuaian, demi menjaga keselamatan, kesejahteraan dan keamanan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Apa jua perubahan dan pengemaskinian sudah setentunya akan segera dimaklumkan kepada orang ramai.



Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah *Subhanahu Wata'ala* akan sentiasa memberikan perlindungan dan keselamatan kepada kita daripada apa jua bencana dan wabak, termasuk jangkitan COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin.*

### **JAWATANKUASA PANDU COVID-19**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

9hb., Zulkaedah 1443

9hb., Jun 2022



## MEDIA STATEMENT

### UPDATES ON COVID-19 CONTROL MEASURES

***Bandar Seri Begawan, Thursday, 9<sup>th</sup> June 2022***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce several updates to COVID-19 control measures which will **commence on Wednesday, 15<sup>th</sup> June 2022**, as follows:

- i- **The scanning of BruHealth QR codes – which was previously required prior to entering any premises to assist the Ministry of Health in contact tracing for COVID-19 positive cases – will no longer be required. However, the management of premises or event organisers may ask members of the public or event attendees to scan the BruHealth QR code before entering premises.**

In this regard, the COVID-19 Steering Committee also wishes to inform that as the BruHealth application has begun to be developed as a health management application for long-term use that is not limited to times of pandemic only, **BruHealth application code scanning features will continue to be used for healthy lifestyle programs or other programs available in the application**. To this end, the use of the BruHealth app in the country, including QR code scanning **will not be completely discontinued** and will be adapted for other uses.

- ii- **Scheduled Antigen Rapid Test (ART) in offices and workplaces will also be ceased**. However, **ART testing is**



**required for symptomatic individuals, close contacts to a positive case and other circumstances where required (for example before attending an event)**. However, the public are advised to do their own ART from time to time.

Meanwhile, **scheduled ART in schools will be continued for the time being and will be reviewed from time to time.**

In view of the opening up of borders via air travel on 6<sup>th</sup> May 2022, the COVID-19 Steering Committee would like to inform the public on **the easing of cross-border travel restrictions and the updates of control measures which will also commence on Wednesday, 15<sup>th</sup> June 2022,** as follows:

- i. **Pre-departure swab test** (either RT-PCR or ART test) for inbound travellers is **no longer required**, regardless of vaccination status;
- ii. **Fully vaccinated travellers are no longer required to undergo ART testing and self-isolation upon arrival in the country;**
- iii. Travellers **who have not completed the COVID-19 vaccination** are required to **undergo ART testing upon arrival, three (3) days self-isolation** and will only be allowed to end their self-isolation if tested negative RT-PCR **on day three**; and
- iv. The **minimum travel insurance coverage for COVID-19 treatment** that is required for any individual wishing to exit or enter Brunei Darussalam is now **updated to a minimum coverage of BND20,000**, that is for **air, land or sea travel**. This requirement is for citizens and permanent residents of Brunei Darussalam who wish to travel abroad as well as





foreigners who wish to enter the country. However, officers of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam travelling abroad for official reasons or on duty are exempted from this requirement, and are also subject to entry requirements of their intended travel destination;

- v. **Transport operators** are **no longer required** to undergo scheduled ART testing. However, they are advised to do their own ART tests from time to time, and if they have symptoms or signs of infection or become a close contact to a positive case.

Also commencing **15<sup>th</sup> June 2022**, **cross-border travel through land and seaports** will be permitted for essential travel as listed below:

- **For the purpose of work or school – and is also extended to commute travels for the aforementioned purposes;**
- **Transit travel; and**
- **Local and foreign-registered transport operators for the purpose of essential import and export supply deliveries.**

Approval application for essential travel needs to be submitted to the Prime Minister's Office via website [www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal). However, COVID-19 vaccination status is not required for categorised-essential travels. **Cross-border travel via land and sea is planned to fully open beginning Monday, 1<sup>st</sup> August 2022**, subject to the current COVID-19 situation in the country and regionally, as well as the operational readiness of control posts. Therefore, **non-essential travel via land and sea is still not permitted until Sunday, 31<sup>st</sup> July 2022**.



In addition, the COVID-19 Steering Committee also wishes to inform the public on a few updates, which are as follows:

- i- Taking into account the changes to the health protocol that currently allow those with a red QR code on the BruHealth app to leave home provided they have a negative ART test result and have uploaded the result to the BruHealth app, **food rations will be given to COVID-19 positive cases who have a purple BruHealth code and for those who apply for food assistance only.**
  
- ii- Meanwhile, with the cessation of Early Endemic Phase in the country on 31<sup>st</sup> May 2022 and the situation of COVID-19 infections in this country which has become stable, that is,
  - **The COVID-19 Relief Fund will be closed beginning Wednesday, 15<sup>th</sup> June 2022;**
  
  - **The COVID-19 allowance to frontliners is hereby discontinued starting Wednesday, 1<sup>st</sup> June 2022.** However, **the allowance is still provided for volunteers.**
  
  - **The daily Ministry of Health's Press Conferences will be conducted weekly, which is set to be held every Monday beginning on 13<sup>th</sup> June 2022.** Meanwhile, an information dashboard on the COVID-19 situation will be publicised daily on the Ministry of Health's website or any other platforms to continue to provide up-to-date information to the public.

The COVID-19 Steering Committee will continue to monitor the readiness of agencies in providing an accurate and prompt response to the current situation of the COVID-19 in the country while ensuring that any control measures imposed are appropriate, in order to maintain



safety, security and well-being of the citizens and residents of Brunei Darussalam. Any changes and updates will be announced immediately to the public.

May Allah *Subhanahu Wata'ala* protect us from COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin.*

**COVID-19 STEERING COMMITTEE**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

9<sup>th</sup> Zulkaedah 1443

9<sup>th</sup> June 2022